

Ekuinas ambil alih Davex

Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan membuat pelaburan terbesarnya dalam sektor perkilangan berikutan pengambilalihan 100 peratus kepentingan dalam Davex (Malaysia) Sdn Bhd (Davex), syarikat reka bentuk, perundingan dan pengeluar lampu tempatan pada nilai RM260 juta.

Davex mengeluarkan produknya sendiri di bawah jenama Davis Lighting dan umumnya terbabit dalam segmen luminair dalam pasaran pencahayaan.

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda berkata, Ekuinas

teruja untuk memasuki segmen pencahayaan luminair melalui Davex, pemimpin pasaran serantau yang betapak di Malaysia.

“Pelaburan ini menandakan kemasukan Ekuinas ke dalam sektor pengeluaran, tepat pada masanya kerana permintaan untuk lampu luminair, terutama model jimat tenaga, semakin pesat.

“Pertumbuhan ekonomi rantau ini mendorong permintaan dari pemaju harta tanah dan infrastruktur digabungkan dengan pasaran luminair Malaysia yang dijangka berkembang menjadi ASS882 juta (RM3.6 bilion) menjelang 2020,” katanya dalam kenyataan dikeluarkan.